**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

## KERATAN AKHBAR
## 25 Sep2021 (Saturday)

**Berita Harian**
Gambar kad UNHCR Nur Sajat didedah 1
'Projek bukan di hutan simpan kekal' 2

**Utusan Malaysia**
Ekuinas lancar ILTIZAM EMP Ihsan 3

**Harian Metro**
NUR SAJAT TUNGGU TAWARAN 4

**Kosmo**
PENERIMA 5

**Sinar Harian**
Bantah buka kilang bateri plumbum 6
Bekalan air di Shah Alam pulih sepenuhnya 7
Pentadbiran, guru JAIS sedia mulakan pembelajaran secara fizikal 8

**Bernama Radio 24**
Kerajaan Selangor Memaklumkan Projek Pembangunan Berhampiran Hutan Simpan 9

**The Star**
Jenjarom battery factory gets go-ahead to reopen 10
MPAJ to build two bridges to ease congestion in Pandan Mewah 11
MBPJ COUNTERS CLOSED 12

**The Edge**
Shah Alam's new growth area 13
Are water services being centralised? 14

**Traxx FM (90.3)**
Development Near Bukit Cherakah Forest Reserve, SACF, Not Within Permanent Forest Reserve Land 15

**China Press**
Outlaw the parking indiscriminately car in Puchong Jaya Pipit 4 Road and issued 112 fines . 16

**Guang Ming Daily**
Serdang new village morning market will be rebuilt, a temporary market will be set up to settle down the hawkers. 17

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| KERATAN AKHBAR<br>25 September 2021 | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Berita Harian |
| Tajuk Berita | : | Gambar kad UNHCR Nur Sajat didedah |
| Muka Surat | : | 17 |

# Gambar kad UNHCR Nur Sajat didedah

**Gombak:** Bukit Aman semalam, mendedahkan gambar kad pelarian Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Pelarian (UNHCR) yang dipegang usahawan kosmetik, Muhammad Sajjad Kamaruz Zaman atau lebih dikenali Nur Sajat.

Selain itu, polis turut mendedahkan dua gambar menunjukkan Nur Sajat sedang diambil keterangan ketika ditahan pihak berkuasa Thailand pada 8 September lalu di sebuah lokasi di Bangkok.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk Seri Abd Jalil Hassan, berkata Nur Sajat membuat permohonan status pelarian ketika bersembunyi di negara itu.

"Nur Sajat disahkan ditangkap pihak berkuasa Thailand di Bangkok pada 8 September lalu atas kesalahan melanggar syarat imigresen.

"Jabatan Imigresen membatalkan pemilikan pasport antarabangsa milik Sajat, justeru kemasukannya ke Thailand adalah secara tidak sah," katanya dalam sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Gombak, semalam.

Dalam tempoh berada serta kemasukan secara tidak sah di negara jiran itu, Nur Sajat memohon status pelarian daripada UNHCR dan permohonannya berjaya.

"Nur Sajat kini sedang menunggu tawaran daripada pihak negara ketiga bagi membantu dia untuk ditempatkan di negara itu.

"Bagaimanapun, kita meneruskan tindakan undang-undang dalam usaha membawa pulang Sajat ke negara ini untuk pertuduhan dihadapinya," katanya yang turut memaklumkan proses permohonan untuk mengektradisi Sajat sedang dilakukan.



*Abd Jalil pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah Gombak, semalam.* (Foto Eizairi Shamsudin/BH)

Permohonan untuk ektradisi Nur Sajat kini dalam proses kerana ia akan membabitkan Peguam Negara, Kementerian Luar dan kedutaan Malaysia di negara Gajah Putih itu.

Kini terpulang kepada Thailand untuk memenuhi permintaan polis Malaysia berhubung permohonan ekstradisi itu.

Dalam pada itu, Abd Jalil berkata, pihaknya juga dimaklumkan Nur Sajat sudah menggunakan nama samaran 'Bella', namun dirinya tetap orang yang sama.

Terdahulu, *Harian Metro* memetik sumber mendedahkan kad pelarian Nur Sajat bernombor 815-21C00071 itu dikeluarkan UNHCR di Bangkok dengan bantuan ibu pejabat mereka di Malaysia.

Laporan itu menyebut Nur Sajat sedang dibantu negara tertentu dan pertubuhan antarabangsa, termasuk UNHCR di Bangkok dan Malaysia untuk mendapatkan kebenaran berpindah ke Australia.

Mengulas lanjut, Abd Jalil berkata, kes dihadapi Nur Sajat adalah kes yang kecil membabitkan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan polis iaitu menghalang tugas penjawat awam, maka sewajarnya Nur Sajat dinasihatkan untuk pulang.

"Kita minta keluarganya bantu polis dengan menasihatkan Nur Sajat supaya pulang ke tanah air untuk menghadapi pertuduhan yang pada pandangan pihak berkuasa, ia tidaklah seberat mana.

"Kita yakin keluarga boleh membantu Nur Sajat untuk pulang ke negara ini," katanya.

Media sebelum ini melaporkan, Nur Sajat ditahan Imigresen Thailand pada 8 September lalu, kira-kira jam 6 petang kerana memiliki pasport tidak sah.

Nur Sajat kemudian dikatakan dibawa dan ditahan di Ibu Pejabat Imigresen Cawangan Pembanterasan Pendatang Tanpa Izin Thailand atas kesalahan berkaitan Imigresen di negara itu.

Nur Sajat didakwa di mahkamah Thailand pada 9 September, bagaimanapun dibebaskan pada keesokannya dengan jaminan AS$2,000 (RM8,343) yang dibuat seorang warga tempatan.

Sebelum ini, Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam mengeluarkan waran tangkap terhadap Muhammad Sajjad kerana gagal menghadirkan diri pada sebutan semula kesnya tanpa sebarang sebab pada 23 Februari lalu.

Dia dikehendaki di Malaysia mengikut Seksyen 186 dan 353 Kanun Keseksaan kerana menghalang penjawat awam serta menggunakan kekerasan jenayah bagi menakutkan penjawat awam daripada menjalankan kewajipannya.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 25 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Berita Harian |
| Tajuk Berita | : | 'Projek bukan di hutan simpan kekal' |
| Muka Surat | : | 24 |

# 'Projek bukan di hutan simpan kekal'

**Shah Alam:** Projek pembangunan berhampiran Hutan Simpan Bukit Cherakah dan Hutan Komuniti Shah Alam (SACF) bukan dalam kawasan hutan simpanan kekal (HSK).

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli Selangor, Hee Loy Sian, berkata semakan mendapati projek itu dilaksanakan di luar kawasan HSK.

Katanya, kawasan HSK yang paling hampir ialah Hutan Simpan Bukit Cherakah serta Hutan Simpan Bukit Cherakah Tambahan dan kedua-duanya diwartakan mengikut Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negeri Selangor 1985.

"Hutan Simpan Bukit Cherakah diwartakan sebagai HSK pada 1909 seluas 9,642 hektar dan hutan ini mengalami beberapa kali penyahwartaan sejak 1976 bagi tujuan pembangunan seperti Bandar Puncak Alam, Alam Budiman dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Puncak Alam.

"Kini, Hutan Simpan Bukit Cherakah yang masih kekal adalah seluas 1,298.86 hektar dan diuruskan Jabatan Perhutanan Selangor (JPNS) sebagai kelas Hutan Perlindungan," katanya dalam kenyataan semalam.


*Hee Loy Sian*

Loy Sian berkata, kawasan projek pembangunan jalan raya dan perumahan ditularkan di media sosial adalah sebahagian daripada kawasan terbabit dengan penyahwartaan kerajaan negeri terdahulu bagi tujuan pemberimilikan oleh kerajaan negeri pada 2006.

Justeru, katanya, JPNS pada masa kini tidak lagi mempunyai bidang kuasa khusus dalam aspek pengurusan dan pembangunan di kawasan itu kerana ia bukan berstatus tanah HSK.

Mengulas lanjut, Loy Sian berkata, dalam aspek penggantian HSK hanya negeri ini pada masa kini yang mengamalkan proses penggantian secara serentak bagi kawasan HSK yang ingin dinyah warta.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>25 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | : | Ekuinas lancar ILTIZAM EMP Ihsan |
| Muka Surat | : | 37 |

# Ekuinas lancar ILTIZAM EMP Ihsan

**Oleh SHAFIQAH SHUKOR**
shafiqah.shukor@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas), menerusi cabang Tanggungjawab Sosial Korporatnya (CSR), ILTIZAM, telah melancarkan ILTIZAM EMP Ihsan dengan komitmen berjumlah RM10 juta.

Di bawah teras Keusahawanan ILTIZAM, yang dikenali sebagai Program Mentor Keusahawanan, ILTIZAM EMP berhasrat membantu perniagaan mikro dan kecil yang terjejas akibat pandemik Covid-19.

Ekuinas akan tampil memberi bantuan kepada perniagaan yang terjejas melalui kerjasama dengan semua entiti pengurusan zakat di seluruh negara.

Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas, Syed Yasir Arafat Syed Abd. Kadir berkata, kriteria kelayakan tertentu yang ditetapkan adalah seperti berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), majlis perbandaran atau ketua komuniti dan dimiliki oleh usahawan daripada golongan B40.

"Entiti-entiti yang terbabit akan menyalurkan dana kepada penerima melalui tiga fasa, bermula dengan pengagihan keseluruhan sebanyak RM3 juta bagi Fasa 1 kepada tiga entiti iaitu Teraju Ekonomi Asnaf Sdn. Bhd. (TERAS) bagi negeri Selangor, Lembaga Zakat Negeri Kedah dan Zakat Pulau Pinang.

"Kami berharap sokongan kewangan yang kami tawarkan dapat membantu pemilik-pemilik perniagaan mengatasi kekangan perniagaan untuk membolehkan peniaga-peniaga bangkit semula apabila keadaan bertambah baik," katanya dalam kenyataan sempena majlis pelancaran ILTIZAM EMP yang diadakan secara maya, semalam.

Majlis pelancaran tersebut dihadiri Pengerusi Ekuinas, Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda; Pengerusi dan Jawatankuasa CSR Ekuinas, Tan Sri Dr. Rahamat Bivi Yusoff.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Operasi Majlis Agama Islam Selangor, Nurhani Salwa Jamaluddin; Pengerusi TERAS, Datuk Ibrahim Md. Yusof; Pegawai Eksekutif Lembaga Zakat Negeri Kedah, Syeikh Zakaria Othman; Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Pulau Pinang, Amran Hazali serta wakil-wakil entiti dari Kelantan, Perak, Sarawak dan Wilayah Persekutuan.

Mengulas lanjut, Syed Yasir memberitahu, sepanjang pelaksanaan ILTIZAM EMP Ihsan dalam tempoh lapan bulan akan datang, Ekuinas akan memberikan bantuan kewangan sekali gus sebanyak RM2,000 kepada setiap perniagaan sebagai modal kerja, modal untuk menceburi bidang baharu, dan untuk perbelanjaan operasi seperti sewa, gaji serta utiliti.

Phaknya turut menggariskan rangka kerja tadbir urus untuk pelaksanaan program itu seperti yang dipersetujui dengan entiti-entiti pengurusan zakat, demi keberkesanan pengurusan dan pelaksanaan dana, semakan bulanan, dengan pemantauan status perniagaan tersebut akan dipantau secara berperingkat.

"Secara asasnya, komitmen kami adalah kepada masyarakat dan komuniti, dan kami akan terus memanfaatkan sepenuhnya usaha kami menerusi ILTIZAM dengan menyediakan bantuan untuk mendorong dan mewujudkan kesan limpahan positif kepada masyarakat terbabit, yang menjadi pemangkin bagi ekosistem perniagaan tempatan kembali berkembang maju," jelasnya.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**25 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Harian Metro |
| Tajuk Berita | : | NUR SAJAT TUNGGU TAWARAN |
| Muka Surat | : | 12 |

# NUR SAJAT TUNGGU TAWARAN

***Bukit Aman bakal buat permohonan untuk bawa pulang namun bergantung kepada persetujuan Thailand***

**Oleh Skuad Khas Harian Metro**
am@hmetro.com.my

**Gombak**

Bukit Aman semalam, mengedarkan kad pelarian Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Pelarian (UNHCR) dipegang usahawan kosmetik, Muhammad Sajjad Kamaruz Zaman atau mahu dikenali sebagai Nur Sajat selepas isu berkaitannya didedahkan Harian Metro sejak Isnin lalu.

Selain itu, gambar Muhammad Sajjad ketika disoal siasat pihak Imigresen Thailand ketika ditahan pada 8 September lalu di kondominium di Bangkok turut diedarkan.

Untuk rekod, Harian Metro memetik sumber mendedahkan kad pelarian Muhammad Sajjad bernombor 815-21C00071 itu dikeluarkan UNHCR di Bangkok dengan bantuan ibu pejabat mereka di Malaysia.

Laporan itu menyebut Muhammad Sajjad sedang dibantu negara tertentu dan pertubuhan antarabangsa termasuk UNHCR di Bangkok dan Malaysia untuk mendapatkan kebenaran berpindah ke Australia.

Skuad Khas Harian Metro turut mendedahkan proses pengeluaran kad pelarian itu agak kontroversi kerana Muhammad Sajjad memperolehnya dalam tempoh singkat berbanding pelarian lain.

Malah, UNHCR di Malaysia juga pernah dilanda kontroversi kerana dilaporkan menjual kad pelarian itu pada harga RM120 pada 2016.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman Datuk Seri Abd Jalil Hassan berkata, Jabatan Imigresen sudah membatalkan pemilikan pasport antarabangsa Muhammad Sajjad yang mana selepas itu, Muhammad Sajjad memohon kad UNHCHR di Bangkok.

"Beliau (Muhammad Sajjad) kini sedang menunggu tawaran pihak negara ketiga bagi membantunya berpindah ke negara terbabit.

"Muhammad Sajjad juga menukar nama samarannya kepada Bella," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Gombak di sini, semalam.

Kenyataan Abd Jalil sekali gus mengesahkan laporan bersiri secara eksklusif Harian Metro.

Dalam perkembangan sama, Abd Jalil berkata, kes Muhammad Sajjad adalah kecil dan ia membabitkan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) serta polis iaitu menghalang penjawat awam.

"Kerana itu, dia (Muhammad Sajjad) dinasihati pulang.

"Polis akan meneruskan proses membawa pulang Muhammad Sajjad kerana Malaysia dan Thailand terikat dengan triti yang membolehkan proses untuk membawa pulang orang yang dikehendaki atau penjenayah buruan dilaksanakan.

"Permohonan ini akan dibuat dalam tempoh masa terdekat namun bergantung kepada negara berkenaan sama ada akan memenuhi permintaan kita atau tidak," katanya.

Beliau berkata, keluarga Muhammad Sajjad juga diharap dapat membantu menasihati supaya pulang ke tanah air bagi menghadapi pertuduhan di Mahkamah Syariah yang tidak seberat mana.

"Kita yakin keluarga boleh bantu menasihatinya untuk pulang ke negara ini," katanya.

Isnin lalu Harian Metro melaporkan misteri 'kehilangan' usahawan Muhammad Sajjad terjawab apabila dia dilaporkan sudah ditahan pihak Imigresen Thailand pada 8 September lalu hasil maklumat pihak berkuasa Malaysia.

Pada 9 September lalu, atas kesalahan memasuki Thailand secara tidak sah, Muhammad Sajjad didakwa di mahkamah namun usahawan kosmetik itu dibebaskan pada 10 September lalu dengan jaminan AS$2,000 (RM8,343) yang dibuat seorang warga tempatan.

Muhammad Sajjad kini diarahkan melaporkan diri ke Ibu Pejabat Imigresen Thailand setiap 14 hari dan ketika ditahan, dia yang kini sudah menjadi pemegang kad pelarian UNHCR mendakwa mahu berpindah ke Australia.




> "Kita yakin keluarga boleh bantu menasihatinya pulang"
> Abd Jalil

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 25 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Kosmo |
| Tajuk Berita | : | PENERIMA |
| Muka Surat | : | 32 |



**PENERIMA** vaksin Covid-19 terdiri daripada pelajar sekolah yang ditemani ibu bapa dan penjaga beratur ketika menunggu giliran pendaftaran di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Dewan Sivik Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Selangor semalam. – AFIQ RAZALI

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| KERATAN AKHBAR<br>25 September 2021 | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | Bantah buka kilang bateri plumbum |
| Muka Surat | : | 24 |

# Bantah buka kilang bateri plumbum

Penduduk, NGO bimbang ia mengundang risiko pencemaran, mudarat

Oleh ASYRAF MUHAMMAD

KUALA LANGAT

Penduduk di Kampung Jenjarom bersama beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) membantah rancangan pembukaan semula sebuah kilang bateri plumbum di sini yang dibimbangi akan memberi kesan pencemaran kepada masyarakat setempat.

Bantahan itu dinyatakan menerusi satu perhimpunan aman yang diadakan di hadapan kilang terbabit selepas sesi libat urus yang berlangsung di Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL), pada Jumaat.

Menurut wakil penduduk Kampung Jenjarom, Mohd Nazri Afrizal berkata, kilang berkenaan pernah ditutup pada tahun 2019 apabila hasil siasatan agensi dan jabatan berkaitan mendapati terdapat kesan pencemaran susulan operasi di premis terbabit.

"Namun, menerusi mesyuarat bersama MPKL pada 20 September lalu, pihak terlibat memaklumkan Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Selangor telah bersetuju untuk membenarkan semula operasi kilang ini.

"Kami sebagai penduduk amat kesal dengan keputusan ini memandangkan kilang berkenaan telah ditutup kerana ia menjadi punca pencemaran sebelum ini," katanya.

Antara NGO yang membantah pembukaan semula kilang berkenaan adalah *Center to Combat Corruption and Cronyism (C4 Center), Five Arts Center, Greenpeace Malaysia* dan beberapa yang lain.




Mohd Nazri (kiri) bersama beberapa wakil NGO yang hadir membantah pembukaan semula kilang berkenaan.

Mengulas lanjut, Mohd Nazri berkata, menerusi semakan pihaknya, sekitar 98 peratus penduduk di sini membantah pembukaan semula kilang berkenaan.

"Kilang berkenaan pernah terbakar pada tahun 2007 dan keadaan seperti itu pastinya mengundang risiko pencemaran dan membahayakan penduduk setempat di sini.

"Malah, mengikut Rancangan Tempatan MPKL 2030, kawasan ini hanya dibenar untuk industri sederhana manakala pembuatan bateri pula tergolong di bawah industri berat," katanya.

Tambah Mohd Nazri, penduduk setempat berharap agar MPKL kekal tidak memberikan lesen operasi kepada pemilik kilang terbabit bagi menghentikan pembukaannya selepas ini.

Pada 2019, kilang berkenaan telah diarah tutup serta-merta oleh kerajaan Selangor sehingga siasatan terhadap pencemaran asid dan plumbum yang didakwa berpunca daripada premis itu selesai.

Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Sains, Teknologi dan Inovasi negeri, Hee Loy Sian, berkata, kilang bateri itu turut dikenakan enam kompaun berjumlah RM12,000.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

## KERATAN AKHBAR
## 25 September 2021

| | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | Bekalan air di Shah Alam pulih sepenuhnya |
| Muka Surat | : | 24 |

# Bekalan air di Shah Alam pulih sepenuhnya

**SHAH ALAM -** Gangguan bekalan air di enam lokasi di Shah Alam susulan paip pecah di Persiaran Perusahaan, Seksyen 23, Shah Alam pulih sepenuhnya pada jam 12 tengah hari Jumaat.

Kerja-kerja pembaikan siap pada jam 6 pagi Jumaat dan bekalan air mula disalurkan secara berperingkat 15 minit kemudian.

Air Selangor menerusi kemas kini di Facebook mengucapkan terima kasih kepada pengguna dan kerjasama yang diberikan sepanjang tempoh gangguan bekalan air tidak berjadual itu.

Menerusi kenyataan itu, aduan boleh dikemukakan di semua saluran media sosial Air Selangor atau hubungi di talian 15300.

"Pertanyaan dan aduan juga boleh dilakukan melalui *Help Centre* di laman *www.airselangor.com*," menurut kenyataan itu pada Jumaat.

Pada Khamis, Air Selangor memaklumkan enam kawasan iaitu Seksyen 18, 19, 20, 23, 24 dan 25 di Shah Alam terlibat gangguan air tidak berjadual susulan insiden paip pecah.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 25 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | Pentadbiran, guru JAIS sedia mulakan pembelajaran secara fizikal |
| Muka Surat | : | 24 |

# Pentadbir, guru JAIS sedia mulakan pembelajaran secara fizikal


MOHD ZAWAWI

**SHAH ALAM -** Pentadbir sekolah dan guru Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) kini bersedia memberi pembelajaran secara fizikal dengan prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan bagi sesi pembukaan sekolah akan datang.

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pengguna dan Industri Halal Selangor, Mohd Zawawi Ahmad Mughni berkata, JAIS kini dalam usaha bagi memastikan semua guru-guru mendapat dua dos suntikan vaksin Covid-19 dan melepasi tempoh inkubasi.

"Kepada yang belum mengambil vaksin atau belum lengkap dua dos dan inkubasi disaran supaya mulakan pengambilan dos pertama pada kadar segera," katanya dalam kenyataan kepada pada Jumaat.

Beliau mengulas mengenai perkembangan isu membabitkan guru Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA), pentadbir masjid dan jurunikah yang menolak vaksin di negeri itu.

Mohd Zawawi berkata, JAIS juga akan sentiasa mengikuti perkembangan terkini SOP Kementerian Pendidikan Malaysia dan menjunjung titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berhubung keprihatinan baginda terhadap kesihatan dan kesejahteraan guru, pelajar dan masyarakat umumnya.

Pada Rabu, Sultan Sharafuddin menzahirkan rasa dukacita dan amat kecewa apabila dimaklumkan hanya 203 daripada 873 orang guru KAFA, ahli jawatankuasa (AJK) masjid dan jurunikah di negeri itu hadir pada program vaksinasi khas Covid-19 barisan hadapan JAIS.

Menerusi kenyataan dalam akaun Facebook rasmi *Selangor Royal Office*, lebih mendukacitakan baginda apabila 96 daripada 203 orang yang hadir, menolak untuk divaksin.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>24 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | **:** | Bernama Radio 24 |
| Tajuk Berita | **:** | Kerajaan Selangor Memaklumkan Projek Pembangunan Berhampiran Hutan Simpan |
| Muka Surat | **:** | - |

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

**CERTIFIED TO ISO 9001:2008**
**CERT. NO. : AR1991**

## KERATAN AKHBAR
## 25 September 2021

| | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | The Star |
| Tajuk Berita | : | Jenjarom battery factory gets go-ahead to reopen |
| Muka Surat | : | 2 |

# Jenjarom battery factory gets go-ahead to reopen

## Kuala Langat council will revoke approval if rules not followed

**By FARID WAHAB**
faridwahab@thestar.com.my

KUALA Langat Municipal Council (MPKL) has given its approval for a defunct battery factory in Jenjarom to reopen, much to the dismay of locals.

Council president Datuk Amirul Azizan Abd Rahim said the factory must comply with the regulations set by the Selangor Environment Department (DOE).

"We will not hesitate to revoke the approval if the factory fails to follow regulations.

"Villagers are to be our eyes and ears to keep the authorities informed of goings-on in the area," he said.

MPKL Licensing Department director Nordila Yasir said the factory received a temporary approval, renewable every three months, to operate for two years.

"The factory must conduct soil and water studies of surrounding areas, every three months.

"It must not discharge effluent into nearby water bodies," she said, adding that the facility was permitted to operate from 8am to 8pm daily and that no increase in production capacity was allowed.

Villagers representative Mohd Nazri Afrizal said MPKL had failed to take into account villagers' concerns.

"Many community leaders from the local mosques and parent-teacher associations voiced their discontent over the factory's reopening.

"The risks for accidents are too great, especially for residents living nearby," he said during a town hall meeting at MPKL headquarters in Banting yesterday.

The factory made headlines in 2019 after the authorities found it responsible for lead pollution.

The then state environment, green technology and consumer affairs committee chairman Hee Loy Sian had ordered for it to cease operations and relocate.

*StarMetro* reported early this year that another company had bought over the facility with plans to start operations.




*StarMetro*'s report on Feb 5.

Factory production manager Mohd Shamsul Sharizan Ayop said the facility would not be making lead batteries anymore but would assemble solar batteries instead.

He added that the factory would comply with proper standards and regulations.

Persatuan Tindakan Alam Sekitar Kuala Langat legal adviser Lee Chee Kwang said villagers would consider taking the matter to court for a judicial review if MPKL proceeded with its plan.

He said in the Kuala Langat Local Plan 2030, battery activity was considered heavy industry and the factory was located in a medium industry zone.

Approval from the authorities is akin to a U-turn as the DOE issued a directive in February, instructing the factory to relocate to a heavy industry zone.

Also present at the meeting were Selangor DOE director Nor Aziah Jaafar, Sijangkang assemblyman Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi and Masjid Jenjarom representatives.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 25 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | The Star |
| Tajuk Berita | : | MPAJ to build two bridges to ease congestion in Pandan Mewah |
| Muka Surat | : | 2 |

# MPAJ to build two bridges to ease congestion in Pandan Mewah

**By SHALINI RAVINDRAN**
shaliniravindran@thestar.com.my

A TRAFFIC dispersal project involving the construction of two bridges in Pandan Mewah, Ampang will be undertaken by Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) to address congestion there.

MPAJ is targeting to complete the project, costing RM6.4mil, within the next two years.

Selangor local government, public transportation and new village development committee chairman Ng Sze Han said the project would be carried out at the Jalan Pandan Utama and Jalan Pandan Mewah intersection.

"This will allow for smoother traffic to and from Hospital Ampang as well as the residential areas so motorists do not get held up at the busy intersection," he said after a site visit.

MPAJ president Mohd Fauzi Mohd Yatim said a project consultant had been appointed and construction was expected to start soon.

In a related matter, MPAJ will carry out a road-widening project as well as add parking bays nearby Hospital Ampang.

"A 600m stretch of Jalan Mewah 3/1 and Jalan Mewah 4 will be widened, and about 200 parking spaces added to the area," said Ng.

Mohd Fauzi said the roadworks, costing RM500,000, would be completed within the next two months.

Hospital Ampang deputy director (management) Mohd Said Adnan said the two projects would go a long way towards improving the traffic and parking situation around the hospital.

"One of the most frequent complaints we receive is the lack of parking space.

"There are only 591 parking spots in the hospital, about half of which are allocated for staff.

"We have an average of 600 visitors coming here daily and there are not enough parking bays.

"Allocating new parking bays will benefit both hospital visitors as well as the surrounding community," he added.

**Traffic dispersal plan at Jalan Pandan Utama/Jalan Pandan Mewah**



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>25 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | The Star |
| Tajuk Berita | : | MBPJ COUNTERS CLOSED |
| Muka Surat | : | 3 |

# MBPJ COUNTERS CLOSED

> All Petaling Jaya City Council (MBPJ) payment and service counters at its Jalan Yong Shook Lin headquarters have been closed for renovation works until July 2022. All other payment and service counters at Menara MBPJ and MBPJ's Kota Damansara branch remain open as usual from 8am-12pm (Mon-Fri). MBPJ's Kota Damansara branch is only accepting visitors by appointment. Alternatively, payments can also be made online or through the kiosk machines at MBPJ headquarters.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

# KERATAN AKHBAR
## 27 September 2021

| | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | The Edge |
| Tajuk Berita | : | Shah Alam's new growth area |
| Muka Surat | : | 5 |



city& country
REAL ESTATE MATTERS

## Shah Alam hot spot

The completion of Persiaran Mokhtar Dahari was the catalyst for the development of Seksyen U10 to U12 and its vicinity. Now, the soon-to-be-completed Damansara-Shah Alam Highway is expected to further open up the area and attract more buyers. **Wong King Wai** has the story on Page 4.

## Shah Alam's new growth area

## Shah Alam's hidden gem

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

**CERTIFIED TO ISO 9001:2008**
**CERT. NO. : AR1991**

| **KERATAN AKHBAR** | | |
|---|---|---|
| **27 September 2021** | | |
| Akhbar | : | The Edge |
| Tajuk Berita | : | Are water services being centralised? |
| Muka Surat | : | 26 |

# Are water services being centralised?

BY **KAMARUL AZHAR**

The National Water Services Industry Restructuring (NWSIR) initiative, which began in 2003, has been years in the making, involving long and protracted negotiations between the federal government and state governments in Peninsular Malaysia, as well as requiring amendments to the Federal Constitution.

Now, 18 years after the NWSIR was first mooted by the federal government, industry restructuring appears to be taking a different step — one that has raised the ire of the Association of Water and Energy Research Malaysia (AWER). To AWER, it appears that Putrajaya is attempting to centralise water services across the peninsula, a move that is against the spirit of the NWSIR and the Water Services Industry Act 2006 (WSIA).

"Under the WSIA model, concession agreements will be phased out and state governments will form companies to manage water treatment and supply to increase transparency and efficiency," AWER president S Piarapakaran said in a Sept 9 statement.

"IWK is supposed to have been broken into state-based entities and merged with water services companies at state level by 2010. This was the model that was presented to state governments and the Conference of Rulers, which was agreed upon before the amendment to the Federal Constitution."

AWER was referring to the Cabinet's approval, on Oct 21 last year, of the extension of Indah Water Konsortium Sdn Bhd's (IWK) concession to Dec 31, 2034.

Given that the concession was scheduled to end on March 31 next year, it appears to signal a change in Putrajaya's earlier intention to parcel up IWK and transfer operations to the states.

Indeed, the federal government's intention to create a centralised water services company is apparent, as in March, Environment and Water Minister Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man disclosed that Putrajaya was establishing a parent water utility company that would act like Tenaga Nasional Bhd.

In the Tenaga model, Tenaga is the sole company that operates the national grid, which traverses the peninsula. In the water equation, a similar "grid" that traverses the peninsula does not exist, as water services companies cater for multiple states and territories, but rarely apply to the whole region.

For example, Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd caters for residents and industries in Selangor as well as the Federal Territories of Kuala Lumpur and Putrajaya, but not the whole of Peninsular Malaysia.

As for the Langat 2 water plant in Selangor, raw water from Pahang is treated for Klang Valley consumption.

Which model the national water company will adopt is still anyone's guess. One point is clear, however, from Tuan Ibrahim's statement in March. The national water company is set to be the umbrella company for all state-based water services companies.

The move towards a central water services company that houses different state-based companies has already started with the extension of IWK's concession, although IWK has pointed out that it will continue to be a standalone entity for sewerage services.

"IWK has been given the mandate to operate and maintain the sewerage systems efficiently, and the extension is purely to extend the agreement period and allow IWK to explore non-tariff business opportunities," IWK CEO Narendran Maniam tells *The Edge*.

The intention of the NWSIR is for the entire water services of each state to be merged and operated by the state but funded by the federal government. Water services are more efficient when managed from source to sewage.

According to AWER's Piarapakaran, a combined water treatment, supply and sewerage system under one operator is better for managing the human consumption water cycle. This is because treated effluents from the sewerage will be released into rivers, and is a point of source pollution, he says.

He points out that the water treatment component needs good-quality raw water to minimise water treatment costs. At present, rivers are the normalisation ground. By merging the operations, the same company would not want to pollute the river water it uses as raw water.

Citing the Department of Environment's (DOE) Environment Quality Report, Piarapakaran says IWK is the single-largest polluter of raw water sources, as various pollution sources have been recorded and linked to the company.

In 2008, some 17,633 pollution sources were recorded and 9,524, or 54%, were linked to IWK, he points out. In terms of the biochemical oxygen demand (BOD) load, domestic treated and partially treated sewage remained the largest contributor, with an estimated load of 944,533.8kg a day, he says.

In 2018, an estimated total of 653 tonnes a day of pollution load for BOD were generated, says Piarapakaran, still quoting the DOE report. Sewerage treatment plants (STPs) remained the largest BOD-load contributor, with a total load of 242 tonnes a day.

In the same year, the overall estimate of suspended solid (SS) loads was 835 tonnes a day, with STPs contributing 303 tonnes a day, or the second largest after piggery activities.

Ammoniacal nitrogen load in 2018 was estimated to be a total of 205.3 tonnes a day, in which STPs remained the largest contributor, with a total load of 162 tonnes a day, he says.

"The proof is published annually by DOE and there is no way IWK can deny it," says Piarapakaran. "This is the reason DOE put requirements on IWK to upgrade its treatment plants.

"IWK will blame delays on tariff revision as a reason (not to upgrade) and it ends up as a chicken-and-egg situation. AWER does not see this as a chicken-and-egg situation, as IWK can follow the WSIA model to end capital drought."

Nevertheless, IWK's Narendran maintains that, as at August 2021, the total compliance rate of IWK's STPs stood at 97% and its sewage load continues to be below the permissible level of DOE's performance bar for pollution sewage.

Moreover, IWK stresses that the country's sewerage charges were last updated more than 27 years ago and that it has borne the burden of rising operational expenditures to ensure environmental sustainability and good public health.

It says that various engagements have been carried out with the relevant ministry and departments — along with committees and the proposed tariff review, which is being held in phases and involves only minimal changes — have been well received by the stakeholders and are gaining traction towards materialising.

"IWK's main challenge is to ensure that all the sewerage assets operate optimally and, at the same time, to upgrade the system and bring in new equipment. Since IWK started operating in 1993, the tariff for sewerage services to consumers has never been reviewed," says Narendran.

The average maintenance cost of the sewerage system for linked premises is RM17 a month, compared with the current tariff of between RM2 and RM8 a month, he says. Currently, domestic consumers are billed every six months.

IWK's financial performance has suffered. The wholly-owned company of Minister of Finance Inc posted a net loss of RM96.35 million in the financial year ended Dec 31, 2020, on the back of RM741.64 million in revenue. This was almost twice the net loss of RM49.5 million recorded in the preceding financial year, despite a 2.6% year-on-year increase in revenue. In 2020, IWK's total assets amounted to RM1.2 billion while total liabilities stood at RM3.2 billion. Retained losses were a staggering RM2.1 billion.

## How much is needed to upgrade STPs?

According to Piarapakaran, DOE has increased the wastewater discharge standard for IWK's treatment plants to reduce pollution loading from the sewerage system. Using the increased standard by DOE as a benchmark, IWK came up with an estimate of RM60 billion to RM80 billion needed to upgrade its STPs, he says.

"We believe it is much lower and, if we break IWK into state-based entities and follow the WSIA model, we can keep the capital injection low and shut down many smaller plants, as bigger plants can perform better treatment processes than smaller and non-mechanical old plants," says Piarapakaran.

"This can be done using critical, sub-critical and non-critical plant categories by coming up with a matrix of energy consumption, pollution loading, capital, savings and final output parameters. Following the WSIA model and holistic forward planning towards zero waste is the key to minimising capital expenditure."

Under the WSIA model, state water assets are transferred to Pengurusan Aset Air Bhd (PAAB), with the assets then leased back to the state water operators. PAAB funds the development and upgrading of water assets through government-guaranteed debts, which are long term.

The long-term tenure of the debts makes it possible for capital costs to be lowered and much lower than what the private concessionaires, in the case of Selangor, could get. At the same time, the state government, which had developed its own water services companies previously, could offload the debt to PAAB.

Previously, federal government loans provided funding for states that did not privatise their water services. But the states were then saddled with huge debts that ate into their revenue.

For example, in March, Tuan Ibrahim said the federal government had written off RM699 million worth of debt owed by the Kedah government to supply water to rural areas in the state.

Another RM1.12 billion of Kedah's water infrastructure-related debts were then absorbed by PAAB. The debt was restructured for a period of 45 years, and recovered through lease charges receivable from Syarikat Air Darul Aman Sdn Bhd.

Narendran says Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) had approved a budget of RM142 million in 2020 to upgrade 644 STPs to ensure proper functionality of these plants, resulting in better compliance to discharged effluent standards.

Up to the 11th Malaysia Plan, RM26.5 billion had been spent for the development and upgrade of STPs nationwide. In the 12th Malaysia Plan, RM1.3 billion has been allocated to upgrade and build centralised sewage treatment facilities nationwide, says Narendran.

"Under the Sewage Capital Contribution fund, we are currently upgrading 644 existing STPs to meet the Environmental Quality (Sewage) Regulations standard. We plan to further upgrade the remaining 2,306 STPs under the Phase 2 and 3 implementations within the next five years," he says.

While the jury is still out on whether establishing a national water department and national water company will be a better move in restructuring the water industry, there are quarters that question the need for such a centralised body and company. This is because, at the federal level, the water industry is being regulated by SPAN while its assets are gradually being transferred to PAAB. How many government bodies are needed to govern, develop and manage water infrastructure in the country?

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

**CERTIFIED TO ISO 9001:2008**
**CERT. NO. : AR1991**

| **KERATAN AKHBAR**<br>**24 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | **:** | Traxx FM (90.3) |
| Tajuk Berita | **:** | Development Near Bukit Cherakah Forest Reserve, SACF, Not Within Permanent Forest Reserve Land |
| Muka Surat | **:** | - |

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**24 September 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | China Press |
| Tajuk Berita | : | Outlaw the parking indiscriminately car in Puchong Jaya Pipit 4 Road and issued 112 fines . |
| Muka Surat | : | 7 |




■梳邦再也市政厅和警察针对非法泊车，采取联合取缔行动。

# 蒲種再也比比4路
# 取締亂泊車開112罰單

（吉隆坡23日讯）非法泊车，妨碍交通，梳邦再也市政厅和警察采取联合取缔行动，合共开出112张罚单！

梳邦再也市政厅公关和策略管理组副主任阿法里查发出文告指出，有关取缔行动是在22日，早上10时，在蒲种再也比比4路（Jalan Pipit 4）展开。

这场行动中，梳邦再也市政厅派出7名执法员，警方则有5人，援引1987年陆路交通法令和1976年地方政府法令执法。

市政厅一共开出了80张罚单通知书（NTK）给非法泊车及妨碍交通的车辆，此外，警方则开出30张POL 170A罚单。

市政厅和警方将继续合作执法，确保民众遵守交通条例，勿危害其他道路使用者的安全。

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

**KERATAN AKHBAR**
**25 September 2021**

| | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Guang Ming Daily |
| Tajuk Berita | : | Serdang new village morning market will be rebuilt, a temporary market will be set up to settle down the hawkers. |
| Muka Surat | : | 4 |



■欧阳捍华（前排右二）和方年泰（前排右）、王奕翔（前排左）、郭义翔（后排左起）和高光升到临时巴刹点考察环境，这个临时巴刹预计在明年6月底竣工。

# 沙登新村早市巴刹重建
# 設臨時巴刹安頓小販

（沙登24日讯）史里肯邦安区州议员欧阳捍华披露，由于沙登新村早市巴刹将在明年展开重建工程，所以该巴刹小贩将会被安顿在沙登新村第6/1路的一处地段作为临时巴刹。

他在记者会说，临时巴刹的面积约2万8000平方尺，巴刹小贩将在此营业约1年半至两年的时间，直到原址重建工程完毕便会搬回原址，并不像谣言中所指的“永久搬迁”到临时巴刹。他指出，这个临时巴刹是属于室内（有盖）建筑物。当原址巴刹的重建工程完毕后，届时的临时巴刹也会改为社区活动中心。

欧阳捍华强调，重建巴刹的重要性是因为在这一次的冠病疫情期间，沙登新村早市巴刹的问题更显而易见，如巴刹内部过于拥挤、环境卫生欠佳、设施及设备残旧等。

### 寻策解决车位问题

另一方面，梳邦再也市政厅相关单位目前也在探讨可行方案，以解决沙登临时巴刹停车位和交通的问题。

梳邦再也市政厅官员今日特前往临时巴刹地点进行现场考察，现场者尚包括梳邦再也市议员王奕翔、沙登新村管委会主席方年泰、秘书郭义翔等。

欧阳捍华也说，沙登新村早市巴刹重建的设计蓝图将在10月底完成，具体的详情有待公布。整个巴刹重建的过程都是透明和公开的，且在沙登已经不是第一次“搬”巴刹，意味著已有相关的经验。

他希望小贩配合，并且明白巴刹不仅涉及个人的利益，但是关系到整个社区的权益。现在大部分的小贩普遍上都是赞成巴刹重建的。（TSI）